

MAKLUMAT PEMBIAYAAN PTPTN BAGI PELAJAR UiTM YANG MENERIMA TAWARAN PENERAPAN DARI DIPLOMA SEMESTER 03 KEPADA IJAZAH SARJANA MUDA (ISM)

1. Pengeluaran Pembiayaan Semester Pertama ISM

Dengan mengambilkira konsep pengeluaran pembiayaan PTPTN pada hari pertama pelajar mendaftar, pelajar penerapan yang merupakan peminjam PTPTN semasa pengajian peringkat Diploma Sepenuh Masa, akan menerima pembiayaan dengan jumlah Diploma sekiranya disahkan masih aktif pengajian. Pengeluaran pembiayaan untuk peringkat ISM akan berkuatkuasa pada semester berikutnya selepas tawaran pembiayaan ISM dikeluarkan kepada pelajar. Tiada pelarasan pembiayaan antara jumlah pembiayaan Diploma dan ISM dilakukan kepada pelajar oleh PTPTN apabila pelajar diberi pembiayaan diperingkat Diploma pada semester pertama penerapan dilakukan.

2. Permohonan Pembiayaan Pengajian Peringkat ISM

Pelajar yang telah dikeluarkan pembiayaan pada peringkat Diploma untuk 4 semester, tawaran pembiayaan ISM akan dikeluarkan bermula semester kelima berdasarkan permohonan daripada pelajar. Sekiranya PTPTN belum lagi mengeluarkan pembiayaan peringkat Diploma pada semester keempat, tawaran pembiayaan ISM akan bermula pada semester keempat berdasarkan kepada permohonan daripada pelajar. Pelajar perlu menyerahkan salinan keputusan peperiksaan pengajian Diploma untuk 3 semester untuk mengantikan transkrip tamat semasa sesi serahan dokumen perjanjian. Pengeluaran pembiayaan ISM akan dilakukan selepas dokumen perjanjian yang lengkap diterima oleh PTPTN.

3. Pengemaskinian Data Pembiayaan PTPTN Peringkat Pengajian Diploma Dan Kenaan Kos Pentadbiran

Data pembiayaan bagi pengajian peringkat Diploma akan dikemaskini kepada tamat pembiayaan berdasarkan pengesahan UiTM. Pelajar dikehendaki membuat permohonan penangguhan bayaran balik kepada PTPTN selepas memilih tawaran penerapan ke ISM. Walaubagaimana pun, kenaan kos pentadbiran akan mula dikira selepas 6 bulan daripada tarikh pengemaskinian status tamat pembiayaan peringkat Diploma. Pihak UiTM diminta menyerahkan senarai nama pelajar yang terlibat selewat-lewatnya sebulan selepas pendaftaran masuk pelajar.

4. Permohonan Pengecualian Bayaran Balik

Pengecualian bayaran balik pembiayaan ke atas pelajar yang dianugerahkan Ijazah Kelas Pertama hanya melibatkan pengeluaran pembiayaan di peringkat pengajian ISM sahaja.